

RESEARCH ARTICLE

Unsur Eufemisme dalam Peribahasa Masyarakat Peribumi Orang Asli

Mohamad Nik Mat Pelet^{1*}, Anida Sarudin¹, Mutiara Megat² dan Mohammad Fauzan Romli³

¹Akademi Pengajian Bahasa, Universiti Teknologi MARA, 40450 Shah Alam, Selangor, Malaysia.

²Sekolah Kebangsaan Cyberjaya, 63000 Cyberjaya, Selangor, Malaysia, Malaysia.

³Sekolah Menengah Kebangsaan La Salle, 46000 Petaling Jaya, Selangor, Malaysia.

ABSTRAK – Masyarakat orang Asli bukan sahaja mempunyai sistem bahasa yang tersendiri malah, bidang-bidang lain termasuk bidang sastera seperti cerita dongeng, cerita rakyat, pantun dan peribahasa juga beridentitikan kehidupan masyarakat orang Asli itu sendiri. Kehidupan orang Asli yang jauh dari penempatan masyarakat lain menyebabkan pengamatan mereka terhadap keadaan sekeliling terbatas sekali gus menyukarkan mereka mencipta perbandingan objek bagi tujuan berkias dalam menyampaikan nasihat dalam peribahasa termasuklah penggunaan unsur seperti eufemisme yang sinonim dalam kiasan. Unsur-unsur eufemisme merupakan unsur yang berkait dengan suatu ungkapan atau kata yang lebih lembut, sopan, dan manis didengar untuk menggantikan ungkapan atau kata yang lebih kasar. Oleh itu, kajian ini dilakukan untuk mengenal pasti dan menganalisis unsur eufemisme dalam peribahasa Buku Teks bahasa Semai. Dalam kajian berkaitan eufemisme masih terdapat unsur-unsur yang belum lazim dalam kalangan masyarakat Orang Asli. Justeru, 13 peribahasa telah dikenal pasti melalui analisis dokumen iaitu buku teks mata pelajaran bahasa Semai sekolah rendah dan sekolah menengah. Kajian mendapati hanya tiga peribahasa yang mempunyai unsur eufemisme dan dianalisis melalui Pendekatan Semantik kognitif dengan menggunakan kerangka konsep Logik Simbolik. Hasil kajian mendapati wujud unsur eufemisme dalam peribahasa masyarakat Orang Asli namun, agak terhad. Walau bagaimanapun, unsur eufemisme yang digunakan dalam peribahasa masyarakat Orang Asli jelas menggambarkan ketajaman fikiran dan kekayaan bahasa melalui unsur-unsur alam yang terdapat di sekitar mereka. Dapatan kajian ini juga mampu menghuraikan makna tersirat dan tersurat yang menjadi sebahagian daripada akal budi manusia tanpa mengira latar belakangnya termasuklah masyarakat orang Asli.

ARTICLE HISTORY

Received: 1 October 2024

Revised: 24 March 2025

Accepted: 17 April 2025

Published: 24 April 2025

KATA KUNCI

Buku teks bahasa Semai

Eufemisme

Orang Asli

Peribahasa

Euphemism Elements in the Proverbs of the Indigenous People

ABSTRACT – The Indigenous community has its own language system along with various forms of expression, such as fairy tales, folk tales, poems, and proverbs, that are integral to their culture. The lives of the indigenous peoples, who are distanced from the settlements of other communities, have led to a limited observation of their surroundings, making it challenging to create symbols based on existing objects for allusions in advice, particularly with elements like euphemisms. Euphemisms are expressions or words that are softer and more polite, serving as pleasant alternatives to harsher language. This study aims to identify and analyse proverbs that contain euphemistic elements. In the context of studies on euphemism, some elements are less common within the indigenous community. Through document analysis using the Semai language textbook for primary and secondary school, the study identified 13 proverbs. Five of these proverbs are already utilized by the Orang Asli community, while the others are translations from Malaysian proverbs. Consequently, only three proverbs were analysed using a cognitive semantic approach and a symbolic logic concept framework. The study found that proverbs featuring euphemisms among the Indigenous community closely align with the behaviour and culture of the Malay community. The metaphors incorporated in the proverbs reveal the sharpness of thought and richness of language, drawing from the natural elements surrounding them. The findings of this study also allow us to interpret the implicit and explicit meanings that have become part of the common sense shared by all human beings, including Indigenous people, regardless of their background.

KEYWORDS

Euphemism

Indigenous people

Proverbs

Semai language textbook

1.0 PENGENALAN

Eufemisme merupakan ungkapan yang digunakan untuk menggantikan sesuatu kata atau frasa yang dianggap keras, kasar, menimbulkan ketidaksenangan atau sensitif dengan istilah yang lebih sopan, mendamaikan, menenangkan dan tidak menimbulkan sebarang kesalahfahaman. Asmah Omar (2004), menjelaskan bahasa merupakan lambang untuk mengaitkan maksud atau fikiran manusia dengan perkara-perkara konkrit atau abstrak dan teradun dengan pengertian makna yang disampaikan melalui ungkapan. Penggunaan unsur eufemisme digunakan secara meluas oleh setiap kelompok masyarakat bagi menggantikan ungkapan yang menyinggung perasaan orang lain dengan ungkapan yang lebih halus dan santun dalam semua medium sama ada dalam komunikasi seharian, pantun ataupun peribahasa. Peribahasa merupakan rakaman dalam kehidupan oleh setiap lapisan masyarakat termasuklah masyarakat peribumi Semenanjung Malaysia iaitu Orang Asli termasuk Sabah dan Sarawak. Menurut Aminuddin Saimon dan Muhammad Asyraf Md. Rashid (2021), peribahasa adalah sebahagian daripada gambaran akal budi yang terdapat dalam kehidupan sesebuah masyarakat. Tambah mereka lagi, peribahasa juga menjadi medium dalam menyampaikan bentuk nasihat, teguran, bimbingan dan sindiran. Peribahasa juga mengandungi pengajaran dan makna tersirat disebalik ungkapan yang dizahirkan oleh masyarakat dahulu kala. Selain daripada masyarakat Melayu, kelompok masyarakat Orang Asli juga mempunyai peribahasa tersendiri yang digunakan dalam kehidupan seharian mereka sama ada sebagai teguran kepada anak-anak, atau digunakan untuk menggambarkan sesuatu keadaan yang berlaku di persekitaran hidup mereka.

Masyarakat Melayu bukan saja dikatakan sinonim dengan aspek kesantunan bahasa atau menggunakan bahasa berunsurkan eufemisme malah, hampir semua bahasa di dunia mempunyai unsur yang sama (Nasimah Abdullah & Lubna Abd Rahman, 2019). Pernyataan tersebut selari dengan pendapat Asmah Omar (2002), bahawa asas kesantunan dalam berbahasa mampu dicapai ketika pengguna bahasa patuh kepada tiga peraturan iaitu linguistik, sosiolinguistik dan pragmatik. Manakala Awang Sariyan (2007) pula menjelaskan kesantunan bahasa diukur melalui penggunaan bahasa yang akur terhadap peraturan-peraturan yang telah ditetapkan dalam sesebuah masyarakat bahasa. Maka, kesantunan atau eufemisme merangkumi aspek penguasaan tentang amalan penggunaan bahasa yang diterima dalam sesebuah masyarakat dan budaya. Kajian eufemisme di Malaysia kebiasaannya menyoroti bidang bahasa dalam konteks sosial dan budaya termasuk bidang politik seperti kajian Saidatul Nornis Hj Mahali (2007), Harishon Radzi dan Phylisia David (2012), Sherilyne Biyol (2020), Muhammad Zaid Daud (2020), Nursyafieqa 'Ifwat Mohmod dan Maizura Osman (2024) dan Nur Muslimah Mat Akhir dan Ainul Azmin Md Zamin (2021). Konsep eufemisme digunakan sebagai penghormatan kepada norma-norma masyarakat, menghindari elemen tabu dalam pelbagai situasi dan mula berkembang dalam bidang lain seperti politik, agama, sosial, pendidikan dan sebagainya.

Pada tahun 1996, mata pelajaran bahasa Semai mula diperkenalkan di sekolah-sekolah yang menempatkan murid Orang Asli di sekitar Pahang dan Perak. Selain daripada kemahiran lisan, baca dan tulis, aspek seni bahasa seperti peribahasa, pantun dan lain-lain yang terdapat dalam kehidupan masyarakat Orang Asli turut diperkenalkan melalui mata pelajaran berkenaan dan dijadikan sebagai sumber rujukan dalam buku teks untuk membantu guru-guru mengajar mata pelajaran berkenaan. Tujuannya adalah untuk kelestarian bahasa orang Asli itu sendiri serta memastikan aspek seni bahasa seperti peribahasa, pantun atau sajak Orang Asli dapat diterapkan dalam diri anak-anak muda dalam kalangan masyarakat Orang Asli. Pelestarian tersebut juga sejajar dengan 17 misi pembangunan mampan oleh United Nation iaitu misi keempat untuk memastikan pendidikan berkualiti inklusif dan saksama serta menggalakan peluang pembelajaran sepanjang hayat kepada setiap lapisan masyarakat tanpa diskriminasi. Walau bagaimanapun, sejak mata pelajaran tersebut diperkenalkan masih tidak banyak kajian-kajian yang dilakukan bagi meneliti aspek-aspek tertentu termasuklah aspek eufemisme seperti kajian yang dilakukan ini.

Justeru, kajian yang berfokus kepada aspek seni bahasa iaitu peribahasa yang terkandung dalam buku teks bahasa Semai sekolah rendah dan sekolah menengah perlu dilakukan bagi merungkai dan membuktikan wujudnya unsur-unsur tertentu seperti eufemisme dalam peribahasa masyarakat Orang Asli. Secara umumnya, kajian yang dilakukan ini bertujuan untuk (i) mengenal pasti peribahasa yang terdapat dalam buku teks bahasa Semai sekolah rendah dan sekolah menengah dan (ii) menganalisis unsur eufemisme yang terdapat dalam peribahasa tersebut. Walaupun kajian ini adalah satu penelitian awal, dapatan yang diperoleh kelak akan membantu pengkaji akan datang merungkai dengan lebih mendalam unsur-unsur eufemisme dengan lebih mendalam dan berfokus serta unsur lain seperti disfemisme yang bertentangan dengan eufemisme.

1.1 Konsep Eufemisme

Konsep eufemisme sangat relevan dengan nilai-nilai budaya dan agama. Kebanyakan kajian di Malaysia menyoroti konsep eufemisme dari dua cabang bidang berkenaan kerana eufemisme sering kali mencerminkan adab dan kesopanan dalam berkomunikasi terutama dalam konteks sosial masyarakat Malaysia yang terkenal dengan jolokkan masyarakat majmuk. Sebagai contohnya perkataan mati yang dianggap agak kasar bunyinya digantikan dengan perkataan berpulang atau kembali kepada pencipta yang dianggap lebih halus, sopan dan tidak menimbulkan rasa kurang selesa pada kelompok atau orang yang dimaksudkan. Menurut Rahizan Mohd Shukor et al. (2021), pengetahuan tentang konsep eufemisme dan disfemisme sangat tekal dalam kalangan rakyat Malaysia kerana mereka telah didedahkan dengan konsep-konsep ini sejak dahulu lagi dan menjadi lazim dalam kehidupan seharian mereka.

Kiasan sering kali wujud dalam peribahasa sama simpulan bahasa, perumpamaan, bidalan mahupun pepatah telah lama wujud dalam kelompok masyarakat yang bukan sahaja sinonim dengan masyarakat Melayu, malah kiasan juga digunakan oleh masyarakat lain di Malaysia termasuklah dalam bahasa Orang Asli, Melanau, Iban, Kadazan, Dusun dan sebagainya. Kiasan merupakan bahasa yang digunakan dalam sesebuah masyarakat untuk menghuraikan sesuatu dengan cara memberi kiasan kepada perkara lain iaitu, dengan memilih atau menyebut bandingan secara langsung atau mengandaikan perbandingan yang berteraskan konsep eufemisme. Menurut Siti Norashikin Mohd Khalidi dan Ernawita Atan (2017), kiasan ialah sejenis gaya kiasan halus dalam bentuk ataupun ungkapan mahupun simpulan bahasa yang digunakan untuk menyampaikan pemaknaan yang kurang sesuai untuk dilafaz secara

literal. Manakala Muhammad Luqman Ibnul Hakim Mohd Sa'ad dan Zulazhan Ab. Halim (2021) menyatakan eufemisme sebagai bahasa berlapis sama ada dalam lisan atau teks yang digunakan dalam sesuatu komunikasi kerana penggunaan kata yang terlalu berterus terang akan menyebabkan berlakunya komunikasi tidak santun dan menyinggung perasaan.

Secara etimologis, eufemisme berasal daripada bahasa Yunani yang membawa makna bagus (eu) dan berbicara (phemeoo). Gory Kerat (2005) pula menyatakan eufemisme ialah gaya bahasa yang mempamerkan ungkapan yang halus dan sopan untuk menggantikan ungkapan yang menyinggung perasaan, menghina mahupun tidak menyenangkan. Manakala Ahmad Mahmood dan Abrak Othman (2010) pula menjelaskan eufemisme merupakan perlakuan bahasa yang digunakan untuk mengelak penyampaian secara langsung dan dikiasan dengan perkataan lain yang lebih halus, sopan ataupun lemah lembut. Manakala Munirah Zulkifle et al. (2019) menyatakan eufemisme merujuk kepada bahasa yang menggantikan kata-kata yang agak kasar dalam pertuturan kerana eufemisme sinonim dengan amalan masyarakat Malaysia yang bukan sahaja sopan-santun, berbudi bahasa malah mempunyai pekerti yang halus.

Maka, eufemisme merujuk kepada aspek kesantunan dalam berbahasa yang memerlukan seseorang menonjolkan atau mempamerkan ungkapan-ungkapan yang lebih bermakna dan tidak menyinggung perasaan orang lain melalui pemilihan perkataan atau ujaran yang sopan, lemah lembut dan halus dalam pelbagai situasi perlakuan bahasa sama ada situasi aman atau sebaliknya seperti pertelingkahan, marah, perselisihan dan sebagainya. Oleh itu, penggunaan unsur eufemisme bukan sahaja untuk mempamerkan sisi nilai-nilai kesantunan dalam diri seseorang penutur malah ia, juga merupakan cerminan kepada ketamadunan sesuatu bangsa dalam menjaga tatasusila perlakuan bahasa lebih-lebih lagi pada zaman kini apabila kelompok masyarakat semakin terdedah dengan ledakan teknologi yang kian menghakis sensitiviti masyarakat terhadap kesan tabu dan cara percakapan yang tidak menitikberatkan perasaan pihak-pihak yang terlibat dalam sesuatu perlakuan bahasa.

Bahasa yang digunakan dalam sesuatu perlakuan bahasa ialah lambang yang digunakan untuk menyampaikan maksud dan fikiran penutur tentang sesuatu perkara yang abstrak mahupun konkrit agar dapat difahami perkara yang dibicarakan (Asmah Omar, 2002). Maka, pemilihan perkataan atau ayat yang diujarkan dan diungkap perlulah bervariasi dan menekankan ciri-ciri bahasa yang beradab, sopan dan beretika agar isi pertuturan bukan sahaja difahami, malah disenangi dan tidak menimbulkan pertelingkahan antara ahli-ahli dalam sesuatu perlakuan bahasa sekali gus menjadi budaya dan cerminan identiti ketamadunan sesuatu kelompok masyarakat yang mengamalkan aspek eufemisme dalam berbahasa.

Oleh itu, dapatlah dikatakan bahawa unsur eufemisme dalam peribahasa Melayu diaplikasikan secara meluas terutama dalam menyampaikan nasihat melalui perbandingan berdasarkan objek yang wujud. Menurut Julaina Nopiah dan Fikratul Jahriyyah Anuar (2023) peribahasa berunsurkan eufemisme digunakan sejak dahulu bukan sahaja berkait rapat dengan kelakuan dan budaya masyarakat Melayu malah, ia juga mencerminkan ketajaman fikiran dan keupayaan bahasa orang Melayu. Senada dengan itu, kajian oleh Harishon Radzi dan Phylisia David (2012) turut membincangkan unsur eufemisme dalam teks hikayat masyarakat Iban yang digunakan secara meluas oleh masyarakat tersebut sebagai salah satu strategi komunikasi. Begitu juga halnya dengan dapatan kajian Sherilyne (2020) yang membincangkan penggunaan unsur eufemisme oleh masyarakat Melanau Dalam dalam komunikasi harian dengan mempamerkan penggunaan eufemisme yang dekat dengan persekitaran mereka seperti kucing, ulat mulong dan sebagainya. Maka, jelaslah bahawa unsur eufemisme wujud dalam semua kelompok masyarakat termasuklah kaum minoriti seperti kaum Melanau dan Orang Asli.

1.2 Kajian berkaitan Eufemisme

Kajian berkaitan unsur eufemisme sering dilakukan oleh pengkaji terdahulu dalam bidang bahasa dan budaya sama ada berlatarbelakangkan masyarakat Melayu atau peribumi Sabah dan Sarawak berbanding masyarakat Orang Asli di Semenanjung Malaysia. Terdapat pelbagai kajian berteraskan eufemisme di Malaysia dan merupakan topik menarik yang bukan sahaja wujud dalam sesuatu budaya dan bahasa masyarakat Malaysia malah, dalam bidang politik, laras bahasa iklan dan sebagainya seperti kajian Julaina Nopiah dan Fikratul Jahriyyah Anuar (2023), Harishon Radzi dan Phylisia David (2012) dan Sherilyne Biyol (2020). Unsur eufemisme sering digunakan untuk mengekspresikan sesuatu perkara yang sensitif dengan cara yang lebih lembut melalui pemilihan perkataan yang dapat mengelak sebarang konflik atau salah faham akibat daripada penggunaan perkataan yang kasar, kesat dan sebagainya.

Perbincangan seterusnya akan menjurus kepada beberapa kajian lepas berkaitan unsur eufemisme yang telah dilakukan oleh pengkaji terdahulu di Malaysia. Oleh kerana kurangnya kajian berkaitan unsur eufemisme dalam budaya dan bahasa Orang Asli, maka perbincangan bagi sub topik ini hanya akan merangkumi unsur eufemisme secara umum sama ada dalam aspek budaya, konteks sosial, politik, persepsi dan penggunaan dalam bahasa seharian. Rahizan Mohd Shukor et al. (2021) membincangkan tentang prinsip eufemisme dan disfemisme dalam komunikasi pelajar berteraskan Prinsip Kesantunan Leech dan mendapati dua maksim yang mendominasi komunikasi pelajar iaitu maksim penghargaan dan maksim kerendahan hati. Menurut mereka lagi, pelajar menggunakan pelbagai jenis perkataan yang sinonim dengan eufemisme ketika memberi penghargaan dan merendah diri dalam situasi tertentu.

Fenomena ini jelas menggambarkan bahawa perkataan berunsurkan eufemisme menjadi pilihan pelajar walaupun mereka mula terdedah dengan perkataan yang kasar. Namun berbeza dengan dapatan kajian oleh Zaitul Azma Zainon dan Ahmad Fuad Mat Hassan (2012) yang mendapati strategi ketidaksantunan menjadi pilihan remaja sekolah dengan mentertawakan, memperlekeh, menghina atau mengejek rakan-rakan lain dan ia menggambarkan amalan kesantunan bahasa atau eufemisme yang tidak diamalkan sepenuhnya oleh remaja walaupun berada dalam konteks di sekolah. Oleh itu, kajian ini melihat betapa pentingnya unsur eufemisme ini didedahkan secara konsisten dan diajar secara berstruktur di sekolah sebagaimana peribahasa yang digunakan dalam buku teks bahasa Semai yang dikaji ini.

Manakala kajian oleh Julaina Nopiah dan Fikratul Jahriyyah Anuar (2023) pula menjelaskan bahawa setiap objek yang digunakan dalam peribahasa berkait rapat dengan kehidupan masyarakat pada zaman dahulu kerana setiap peribahasa yang dikaji memperlihatkan pengaplikasian unsur alam sekeliling serta adaptasi kehidupan masyarakat setempat. Begitu juga dengan pendapat Siti Marina Kamil et al. (2021) yang menyatakan bahawa penggunaan eufemisme telah wujud lama dan bukan sahaja merentas bahasa malah budaya. Kepelbagaian bentuk atau unsur seperti objek, perkataan atau diksi boleh digunakan sebagai eufemisme yang bersesuaian dengan budaya dan bahasa bagi setiap kelompok masyarakat.

Justeru, unsur-unsur seperti tersebut jelas menggambarkan ketinggian budi dan pemikiran masyarakat terdahulu dalam mengadaptasi unsur eufemisme dalam amalan komunikasi seharian mereka. Berdasarkan pandangan ini, kajian ini berpendapat bahawa peribahasa memainkan peranan penting bukan sahaja sebagai elemen komunikasi malah mendedahkan dan membentuk penggunaan unsur eufemisme dalam diri seseorang termasuklah masyarakat Orang Asli melalui peribahasa yang digunakan sebagai bahan pengajaran dalam buku teks bahasa Semai.

Kajian berkaitan eufemisme juga sangat popular dalam kalangan masyarakat Iban di Sarawak dan mula berkembang sejak dari tahun 1900 lagi bermula dengan penerbitan kamus bahasa Iban oleh Howell dan Bailey pada tahun 1900 sehingga kamus komprehensif oleh Janang Ensiring pada tahun 2016. Senada dengan itu, Muhammad Zaid Daud et al. (2017) telah melakukan satu kajian berkaitan eufemisme dalam kalangan masyarakat Iban dan mendapati etnik Iban begitu kaya dengan aspek kesopanan dalam berbahasa dengan menggunakan perkataan berunsurkan eufemisme kerana mereka sedaya upaya untuk menjaga hati pendengar dalam setiap tutur kata mereka. Tambah mereka lagi, amalan menggunakan perkataan berunsurkan eufemisme dalam kalangan masyarakat Iban juga dipercayai pengaruh daripada faktor adat dan kepercayaan yang telah mereka warisi sejak turun-temurun lagi.

Pernyataan tersebut turut disokong dengan dapatan kajian Saidatul Normis Mahali (2007) yang mendapati masyarakat Iban juga kaya dengan kesopanan dan kesantunan berbahasa sebagaimana masyarakat Melayu yang lazim dengan unsur eufemisme. Maka, kajian ini membuktikan bahawa masyarakat peribumi sama ada Sabah dan Sarawak termasuklah Orang Asli juga kaya dengan unsur eufemisme dalam penggunaan komunikasi. Begitu juga halnya dengan kajian berkaitan eufemisme dalam kalangan masyarakat di Sabah. Walaupun masyarakat Sabah terdiri daripada pelbagai suku kaum sebagaimana negeri Sarawak, namun masyarakatnya juga tidak asing dengan unsur-unsur eufemisme seperti masyarakat lain di seantero dunia.

Pernyataan ini dibuktikan dengan kajian oleh Petronella Apin dan Kartini Abd Wahab (2015) yang mendapati masyarakat Dusun menggunakan eufemisme dalam hal-hal berkaitan sumpahan dan maki, peristiwa kematian, hal kebersihan, sistem panggilan kekeluargaan, makhluk halus ghaib, anggota tubuh badan, hal kewanitaan dan sebagainya kerana berpegang pada pengaruh adat dan kepercayaan yang telah sebatasi sejak turun-temurun di samping mengelak kesan negatif jika menggunakan bahasa tabu. Maka, jelaslah bahawa unsur eufemisme bukan sahaja wujud dan sinonim dengan masyarakat Melayu malah masyarakat peribumi lain seperti Iban dan Dusun, malah dalam kehidupan Orang Asli juga wujudnya elemen eufemisme ini, maka kajian ini dilakukan untuk meninjau lanjut kewujudan elemen yang dinyatakan dalam kajian Petronella Apin dan Kartini Abd Wahab (2015) ini.

Kajian oleh Suzieyiana Ritos dan Muhammad Zaid Daud (2020) berkaitan penggantian unsur disfemisme kepada eufemisme mendapati aspek kesantunan berbahasa yang tinggi masih wujud dalam komunikasi harian kelompok masyarakat. Tambah mereka lagi walaupun penggunaan bahasa kasar atau kesat masih wujud namun, terdapat penggantian perkataan yang lebih halus, berlapik dan tidak kasar boleh digunakan dalam setiap kelompok masyarakat walau berbeza latar belakang dan sistem bahasa. Malah, budaya juga memainkan peranan dalam mempengaruhi penggantian yang digunakan dalam komunikasi harian. Dalam erti lain, wujudnya hubungan antara bahasa dan budaya dalam konteks penggunaan eufemisme tanpa mengira latar penuturnya. Oleh itu, unsur eufemisme sangat relevan dalam budaya sesuatu masyarakat dan dizahirkan melalui bahasa. Akhirnya, penggantian disfemisme kepada eufemisme dapat memastikan keharmonian kekal terpelihara dan mendidik masyarakat dengan cara halus melalui penggunaan unsur eufemisme dalam konteks tertentu.

Malah, kajian oleh Anis Asnira Mohd Faizal dan Mohammed Azlan Mis (2024) berkaitan penggunaan eufemisme dalam kalangan masyarakat peribumi Sarawak turut membincangkan tentang penggantian perkataan berbentuk tabu dengan bahasa halus dan berlapik bagi perkataan yang mempunyai makna dan maksud kurang sedap didengar jika diungkap secara terus. Tambah mereka lagi, penggunaan unsur eufemisme biasanya berlaku dalam komunikasi akibat daripada pelbagai pengaruh sehingga penggunaan bahasa tabu semakin mula diterima. Walaupun begitu, kajian mereka turut mendapati wujudnya unsur penggunaan eufemisme yang tinggi dalam kalangan kelompok tertentu terutama warga yang berusia kerana menjaga sentimen seperti rasa hormat, hubungan silaturahim dan menjaga keharmonian dalam hidup bermasyarakat. Justeru, kajian ini mengukuhkan lagi fakta bahawa unsur eufemisme sangat relevan tanpa sempadan masa kerana penggunaan unsur tersebut, misalnya dalam kehidupan masyarakat Orang Asli juga seperti yang dikaji dalam kajian ini turut memberi impak yang besar terutama dalam mewujudkan hubungan yang sejagat dalam kalangan masyarakat lebih-lebih lagi Malaysia yang terkenal berlatarbelakangkan pelbagai bangsa, agama dan bahasa.

Manakala kajian Muhammad Zaid Daud et al. (2024) membincangkan tentang makna implisit dan eksplisit berkaitan penggunaan warna dalam cerita Pak Kaduk. Kajian tersebut membincangkan dari aspek pragmatik makna-makna yang wujud disebalik penggunaan warna-warna tertentu dalam karya tersebut yang dianalisis melalui pendekatan analisis dokumen. Penemuan kajian tersebut membuktikan bahawa pemaknaan sesuatu keadaan sama ada bahasa, budaya dan warna memainkan peranan penting untuk menyampaikan sesuai mesej agar tidak menyinggung perasaan orang lain sekali gus dapat mengawal keadaan agar terus dalam keadaan positif. Dalam erti lain, unsur eufemisme bukan sahaja dapat diinterpretasi melalui penggunaan bahasa mahupun perkataan malah, persekitaran kita juga memainkan peranan yang tidak kurang pentingnya.

Kajian oleh Nur Muslimah Mat Akhir dan Ainul Azmin Md Zamin (2021) berkaitan penggunaan unsur eufemisme dalam artikel berita bidang politik mendapati ia mampu mengelakkan perkataan tabu di samping, mempamerkan kesantunan yang tinggi untuk

pembacaan masyarakat namun, ia juga mengelirukan rakyat dengan makna yang tidak jelas kerana sifat unsur eufemisme adalah bahas berlapis dan halus dalam menyampaikan sesuatu mesej. Namun begitu, penerapan eufemisme ini mampu memberi kesan positif terutama terhadap persepsi awam termasuklah penggunaan unsur-unsur sebaliknya jika berita-berita berkaitan politik terus digarap dengan menggunakan unsur eufemisme. Dapatan kajian mendapati unsur eufemisme mempengaruhi persepsi orang awam terhadap imej dan kredibiliti seseorang ahli politik dan mampu mempengaruhi pemilihan ketika pilihan raya berdasarkan penyampaian berita yang ditulis dalam mana-mana keratan berita mahupun artikel. Jelas sekali bahawa unsur eufemisme memberi kesan positif bukan sahaja dalam sesuatu budaya malah merangkumi aspek bahasa sehingga mampu mempengaruhi persepsi seseorang.

Manakala kajian oleh Nursyafieqa 'Ifwat Mohmod dan Maizura Osman (2024) pula mendapati penggunaan perkataan kesat ketika musim pemilihan raya telah menjadi trend bukan sahaja di Malaysia malah peringkat antarabangsa. Keadaan ini berlaku akibat daripada perjuangan kebebasan bersuara yang tidak dikawal terutama dalam menggunakan perkataan-perkataan kesat atau berunsur disfemisme ketika menyampaikan hujah-hujah politik. Dapatan kajian mereka turut mendapati sebilangan besar penggunaan media sosial mengharapakan penggunaan unsur eufemisme atau bahasa tersirat ataupun implikatur dapat diterap dan digunakan secara meluas oleh mana-mana ahli politik atau jurucakap bagi sesebuah parti politik dalam menyakinkan orang ramai tentang perjuangan politik mereka berbanding dengan bahasa literal yang agak kasar dan kesat.

Dalam erti lain, keharmonian dapat dipelihara melalui pelbagai cara termasuklah arena politik dengan menyuntik masyarakat melalui penggunaan perkataan berunsurkan eufemisme. Wujudnya unsur eufemisme dalam pentas politik bertujuan untuk menarik perhatian, mendapatkan kepercayaan dan keyakinan pengundi terutamanya dalam membuat pilihan yang tepat ketika pilihan raya. Penggunaan perkataan berlapis, sopan dan lembut mampu mempengaruhi masyarakat walaupun terdapat pelbagai parti politik yang mampu menjadi pilihan masyarakat.

Maka, jelaslah bahawa unsur eufemisme wujud dalam pelbagai aspek yang tidak hanya terbatas dalam sesuatu budaya malah rentas bahasa dan kelompok masyarakat termasuk etnik-etnik peribumi Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak. Kajian eufemisme di Malaysia bukan sahaja membincangkan tentang bahasa tetapi juga mencerminkan nilai dan norma masyarakat termasuklah masyarakat minoriti seperti masyarakat Orang Asli. Kajian yang dilakukan ini juga mampu memberi manfaat kepada seluruh rakyat Malaysia untuk lebih menghargai nuansa bahasa dan budaya yang wujud dalam setiap lapisan masyarakat di Malaysia amnya dan dunia khususnya.

1.3 Pernyataan Masalah

Penelitian terhadap kajian-kajian lepas berkaitan unsur eufemisme memberi tumpuan kepada data bersumberkan kajian dialek, novel dan drama (Julaina Nopiah & Fikratul Jahriyyah Anuar (2023). Kajian berkaitan unsur eufemisme dalam buku teks kurang dilakukan lebih-lebih lagi merujuk peribahasa yang digunakan sebagai bahan pengajaran dan pembelajaran di sekolah sebagaimana dapatan kajian Faridah Radzi (2015) mendapati kajian berkaitan kandungan buku teks berkaitan unsur eufemisme masih terhad untuk dirujuk. Justeru, kurangnya kajian unsur eufemisme dalam buku teks mendorong kajian ini dilakukan sebagai satu usaha untuk memperluaskan bidang kajian unsur eufemisme sekali gus dapat memastikan penerapan unsur eufemisme dalam diri murid-murid secara tidak langsung.

Dalam pada itu, kajian eufemisme juga kebanyakannya berlatar belakang rumpun masyarakat Melayu ataupun etnik-etnik lain di Sabah dan Sarawak. Antaranya kajian Muhammad Zaid Daud et al. (2017) berkaitan penggunaan Eufemisme dalam kalangan Penutur Iban, Julaina dan Fikratul Jahriyyah (2023) berkaitan unsur eufemisme dalam peribahasa Melayu: Analisis Semantik Inkuisitif dan kajian oleh Petronella Apin dan Kartini Abd Wahab (2015) berkaitan Tabu Bahasa dalam Masyarakat Dusun di daerah Ranau, Sabah. Kekurangan kajian khusus berkaitan unsur eufemisme berlatar belakang masyarakat Orang Asli menyebabkan kajian ini perlu dilakukan untuk memastikan wujudnya unsur eufemisme dalam kalangan masyarakat tersebut sekali gus dapat mengukuhkan kajian yang dilakukan oleh Munirah Zulkifle et al. (2019) yang menyatakan bahawa eufemisme cerminan nilai sosiobudaya masyarakat Malaysia melalui tinjauan yang dilakukan terhadap 272 belia Melayu, Cina dan India di sekitar Lembang Klang. Oleh itu, kajian ini dilakukan untuk membuktikan masyarakat Orang Asli tidak hidup terasing dan juga mempunyai unsur eufemisme yang digunakan dalam kehidupan seharian mereka termasuklah penggunaan peribahasa sebagaimana kajian yang dilakukan ini.

2.0 METODOLOGI

Kajian kualitatif berbentuk deskriptif digunakan dalam kajian yang dilakukan kali ini. Pengkaji memilih kaedah analisis kandungan, iaitu mengkaji kandungan buku teks bahasa Semai sekolah rendah dan menengah yang mengandungi unsur seni bahasa iaitu peribahasa. Pemilihan buku teks bahasa Semai sebagai sumber data kerana sesuai dengan kajian yang dilakukan berkaitan unsur eufemisme dalam peribahasa Orang Asli. Peribahasa Orang Asli telah dimasukkan dalam buku teks berkenaan untuk digunakan sebagai sumber pengajaran guru-guru bahasa Semai di sekolah murid Orang Asli. Terdapat 13 peribahasa yang terkandung dalam buku teks tersebut dianalisis manakala unsur seni bahasa lain seperti pantun atau cerita rakyat tidak dianalisis. Fokus kajian ini merujuk kepada peribahasa yang digunakan dalam buku teks berkenaan yang digunakan oleh guru-guru untuk diajar kepada murid-murid Orang Asli.


Selain itu, bagi mengukuhkan analisis data dalam kajian ini, pendekatan konsep Logik Simbolik digunakan untuk menganalisis dapatan kajian bagi tujuan untuk menghuraikan makna peribahasa yang mengandungi unsur eufemisme dan penganalisis makna yang dirungkaikan dalam peribahasa tersebut juga bukan sahaja pada perkataan tetapi pada keseluruhan frasa peribahasa. Konsep Logik Simbolik merupakan sebuah teori bersepadu yang bukan sahaja berfokus kepada makna sesuatu perkataan, malah merangkumi ayat termasuklah reaksi manusia terhadap sesuatu ungkapan tersebut. Dalam erti lain, konsep ini merupakan sebuah teori yang menilai seluruh rangkuman yang terdapat pada sesuatu pernyataan seperti peribahasa dengan mengaitkan seluruh simbol yang wujud iaitu perkataan-perkataan yang digunakan dalam sesuatu peribahasa termasuklah penerimaan iaitu persepsi orang lain

yang mendengar atau menerima ungkapan yang diujarkan. Makna yang dizahirkan melalui sesuatu simbol iaitu perkataan juga membawa makna berlawanan dan perlu dinilai dari aspek unsur yang digunakan melalui tiga unsur seperti yang ditekankan dalam konsep Logik Simbolik. Konsep Logik simbolik penting untuk proses memahami fungsi simbol dan ungkapan dalam sesuatu pernyataan iaitu hubungan antara simbol-simbol dan makna yang hendak disampaikan dengan memakna konteks ayat.

Konsep Logik Simbolik juga mengandungi tiga bahagian kajian, iaitu semantik, sintaktik dan pragmatik seperti dalam rajah 1. Semantik ialah kajian yang berkaitan hubungan simbol dengan rujukan atau hubungan antara perkataan dengan benda. Rujukan atau benda adalah tidak terhad dalam sesuatu bahasa kerana lambang-lambang yang digunakan mewakili sekumpulan benda atau peristiwa yang saling bertautan antara satu sama lain. Malah, begitu juga dengan simbol yang digunakan adalah daripada kumpulan yang mempunyai persamaan untuk dijadikan sebagai rujukan.

Rajah 1

Konsep Logik Simbolik



Manakala, sintaksis pula ialah kajian hubungan antara perkataan dengan perkataan lain yang boleh menentukan makna yang ingin disampaikan. Dalam pada itu, makna ayat juga bergantung kepada susunan setiap konsituen dalam ayat. Pragmatik pula ialah kajian berhubung antara simbol dengan perkataan dan perlakuan yang ditonjolkan oleh seseorang sebagai reaksi terhadap perkataan yang digunakan atau ditonjolkan dalam sesuatu komunikasi sama ada makna yang ingin disampaikan difahami sehingga menimbulkan tindak balas melalui tingkah laku. Namun begitu, reaksi adalah bergantung kepada cara seseorang membuat tanggapan atau memproses makna. Tanggapan berlainan oleh setiap individu perlu diproses melalui teori ini sebagaimana pendapat Raminah Sabran dan Rahim Syam (1985) bahawa makna yang dihubungkan dengan konteks biasanya lebih dominan dan tepat kerana konteks ialah aspek terpenting dalam mentafsirkan makna sesuatu ujaran.

Jadual 1

Rumus Konsep Logik Simbolik

Aspek	Huraian
semantik	hubungan antara perkataan dan benda
sintaksis	hubungan perkataan dengan perkataan
pragmatik	hubungan simbol dengan tingkah laku

Oleh itu, pendekatan konsep Logik Simbolik dapat dirumuskan seperti Jadual 1 bagi memudahkan pemahaman dan perbincangan analisis data dalam sub topik seterusnya. Tiga aspek utama mendasari konsep ini iaitu (i) semantik, (ii) sintaksis dan (iii) pragmatik. Perbincangan dalam sub topik seterusnya berteraskan tiga aspek yang terkandung dalam konsep Logik Simbolik. Peribahasa yang dikenal pasti dalam kajian ini akan dianalisis dengan tiga aspek seperti yang ditekankan dalam konsep Logik Simbolik bagi menjawab objektif kajian ini iaitu mengenal pasti dan menganalisis makna peribahasa-peribahasa yang mengandungi unsur-unsur eufemisme. Peribahasa yang telah dikenal pasti mempunyai unsur eufemisme akan diteliti dari segi semantik terlebih dahulu dengan meneliti hubungan antara perkataan dan benda yang mempunyai unsur-unsur bahasa halus atau berlapik dalam sesuatu peribahasa. Kemudian, dinilai pula dari aspek sintaksis dengan membincangkan hubungan antara perkataan dengan perkataan yang terkandung dalam sesuatu peribahasa yang mempunyai unsur eufemisme dan seterusnya dari aspek pragmatik iaitu simbol dengan tingkah laku yang wujud dalam sesuatu peribahasa. Ketiga-tiga aspek tersebut perlu diperincikan dengan memberi pengertian makna termasuklah makna literal untuk memudahkan pemahaman pembaca berkaitan unsur eufemisme yang wujud dalam sesuatu peribahasa yang sangat relevan dengan penggunaan perkataan berlapik, sopan dan lembut.

3.0 DAPATAN KAJIAN

Perbincangan seterusnya memperincikan hasil analisis kajian dengan membincangkan dapatan berdasarkan persoalan kajian berkaitan (i) pengenalpastian peribahasa yang terdapat dalam buku teks bahasa Semai sekolah rendah dan menengah yang mengandungi unsur eufemisme dan (ii) penganalisisan makna peribahasa-peribahasa tersebut. Jadual 2 memaparkan terdapat 13 peribahasa yang terkandung dalam buku teks bahasa Semai dan hanya tiga peribahasa yang wujudnya unsur eufemisme seperti

dalam Jadual 3. Manakala, 10 peribahasa lain iaitu (i) *begei awat ru terikbes*, (ii) *rah isik hubik*, (iii) *nyeh samak higelgol*, *hanyok samak hitajag*, (iv) *rah tijik de bipet*, (v) *cak pinui*, (vi) *ku belok mong heknod*, *ku pajeh mong inong*, (vii) *begei nulernur bakou*, (viii) *cungkag kalag*, (ix) *begei ceos sot* dan (x) *pet poi* tidak mempunyai unsur eufemisme berdasarkan makna yang terkandung dalam semantik, pragmatik dan sintaksis peribahasa tersebut.

Jadual 2

Senarai peribahasa dalam buku teks bahasa Semai

Bil.	Peribahasa	Muka surat	Tingkatan/Tahun
1.	begei awat ru terikbes	51	Tingkatan 1
2.	rah isik hubik	51	Tingkatan 2
3.	nyeh samak higelgol, hanyok samak hitajag	80	Tingkatan 3
4.	rah tijik de bipet	26	Tingkatan 4
5.	cak pinui	26	Tingkatan 4
6.	ku belok mong heknod, ku pajeh mong inong	26	Tingkatan 4
7.	begei nulernur bakou	69	Tahun 4
8.	berayot (nakal/kuat melawan)	69	Tahun 4
9.	begei entag sameu (tidak mendengar nasihat)	69	Tahun 4
10.	cungkag kalag	69	Tahun 4
11.	begei ceos sot	69	Tahun 4
12.	pet poi	69	Tahun 4
13.	begei caknak pug	69	Tahun 4

Berdasarkan Jadual 2, peribahasa yang terdapat dalam buku teks bahasa Semai sama ada sekolah rendah mahupun sekolah menengah adalah terhad. Hanya terdapat 13 keseluruhan peribahasa yang didedahkan dalam buku teks untuk tujuan pengajaran dan pembelajaran dan tidak merangkumi semua tahun atau tingkatan pembelajaran. Jika diamati, peribahasa di peringkat sekolah rendah hanya didedahkan kepada murid-murid tahun 4 manakala bagi sekolah menengah pula terhad dengan tiga peribahasa dalam tingkatan 4 dan masing-masing satu peribahasa dalam tingkatan 1, 2 dan 3. Sedangkan kajian oleh Kannan dan Wan Muna (2024) menyatakan bahawa penerapan elemen seni bahasa seperti peribahasa, pantun dan sebagainya merupakan antara transformasi yang telah dilaksanakan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) melalui Kurikulum Standard Sekolah Menengah sebagai satu langkah yang berstruktur untuk memupuk sikap mengagungkan keindahan bahasa yang puitis dalam karya bahasa termasuklah peribahasa sebagai elemen seni bahasa dalam mata pelajaran bahasa Semai.

Jadual 3 pula menunjukkan tiga peribahasa yang telah dikenal pasti mempunyai unsur-unsur eufemisme yang akan dibincangkan secara terperinci dalam sub topik seterusnya. Tiga peribahasa tersebut ialah (i) *berayot* (ii) *begei entag sameu* dan (iii) *begei caknak pug* dianalisis berdasarkan pendekatan Konsep Logik Simbolik.

Jadual 3

Senarai peribahasa dengan unsur Eufemisme dalam buku teks bahasa Semai

Bil.	Peribahasa	Makna dalam bahasa Semai	Makna dalam bahasa Melayu
i.	<i>berayot</i> (berjalan tanpa tujuan)	<i>numom sayet de galaj</i>	kanak-kanak yang kuat melawan
ii.	<i>begei entag sameu</i> (bagai telinga beruang)	<i>numom de tok kicerngai engrok atao bengwal mai</i>	tidak mendengar nasihat/kata
iii.	<i>begei caknak pug</i> (bagai makan ayam)	<i>numom de kicak bejehei atao kibebakad</i>	seseorang yang makan secara tamak dan kedekut

4.0 PERBINCANGAN

Berdasarkan Jadual 3, hanya tiga peribahasa yang terkandung dalam buku teks bahasa Semai mengandungi unsur-unsur eufemisme berbanding 10 peribahasa menggunakan konsep alam dan tumbuhan sebagaimana dapatan kajian Saidatul Nornis Mahali dan Mohd Rasdi Saamah (2013) mendapati peribahasa Orang Asli Semai kebanyakannya menggunakan haiwan dalam melambangkan makna atau mesej yang ingin disampaikan melalui peribahasa. Tambah mereka lagi, penggunaan unsur haiwan tersebut digunakan secara meluas untuk merujuk perkara positif mahupun negatif dalam peribahasa yang digunakan. Perkataan *berayot* secara literalnya dalam bahasa Semai merujuk kepada perbuatan seseorang yang suka berjalan tanpa tujuan yang jelas. Walau bagaimanapun, dalam peribahasa *berayot* diberi makna *numom sayet de galaj* iaitu kanak-kanak yang kuat melawan atau nakal.

Berdasarkan aspek pragmatiknya, wujud simbol hubungan antara simbol dengan tingkah laku iaitu *berayot* menjadi simbol kepada tingkah lak kuat melawan atau nakal. Perkataan *berayot* digunakan oleh masyarakat Orang Asli untuk menggantikan perkataan kuat melawan bagi memastikan tiada yang tersinggung jika mereka menegur anak-anak yang suka melawan atau nakal. Jika diamati dari segi makna literalnya, perkataan *berayot* lebih sesuai digunakan untuk keadaan seseorang yang merambu atau berjalan ke mana-mana tanpa tujuan, merayau-rayau ke sana sini ataupun berkeliaran (Kamus Dewan, 2010).

Dalam erti lain, peribahasa *berayot* menepati ciri-ciri yang terkandung dalam konsep Logik Simbolik. Justeru, jelas menunjukkan pemikiran masyarakat Orang Asli juga tinggi dalam menentukan bentuk perkataan yang digunakan dalam sesuatu peribahasa agar dapat menyampaikan mesej atau teguran dengan bahasa halus atau berunsurkan eufemisme bagi memastikan teguran yang diberi dapat diterima dengan baik. Malah, penggunaan perkataan berunsurkan eufemisme dalam sesuatu peribahasa juga mampu menaikkan semangat orang yang digambarkan dengan peribahasa tersebut sebagaimana pendapat Muhammad Zaid Daud (2020), pemilihan leksikal dalam memaknakan sesuatu peribahasa oleh sesuatu kelompok masyarakat adalah berdasarkan kognitif dan falsafah kehidupan mereka dengan mengambil kira akal budi dan tahap keintelektualan pemikiran.

Jadi, dapatlah dikatakan peribahasa *berayot* yang terdapat dalam buku teks bahasa Semai Tahun 4 pada muka surat 69 merupakan peribahasa yang mempunyai unsur eufemisme kerana sifatnya menepati ciri-ciri eufemisme seperti bahasa berlapis, sopan dan tidak menyinggung perasaan orang yang dimaksudkan sebagaimana kajian Julaina Nopiah dan Fikratul Jahriyyah Anuar (2023) yang menjelaskan bahawa sesuatu ungkapan mempamerkan hubungan yang erat antara bahasa dan kelakuan, sikap dan pemikiran bangsa yang dipaparkan melalui bahasa dalam kehidupan seharian mereka.

Begitu juga dengan peribahasa (ii) *begei entag sameu* yang secara literalnya *entag sameu* bermaksud telinga beruang yang membawa makna pancaindera untuk mendengar yang terdapat pada sejenis mamalia yang besar, berbulu tebal dan berekor kontot (Kamus Dewan, 2010). Masyarakat Orang Asli memilih mamalia tersebut iaitu beruang kerana berbulu tebal sehingga menyebabkan sukar untuk mendengar perkara yang dinasihatkan atau diperkatakan. Manakala, makna *begei entag sameu* bermaksud *numom de tok kicerngai engkrok atao bengwal mai* iaitu tidak mendengar nasihat atau kata. Penggunaan perkataan telinga beruang digunakan oleh masyarakat Orang Asli untuk memberi gambaran sikap seseorang yang degil, ingkar dan tidak mendengar nasihat kerana persekitaran mereka yang tinggal di kawasan hutan dan menggunakan istilah tersebut bagi menggantikan perkataan degil atau tidak mendengar nasihat.

Berdasarkan aspek pragmatik, *entag* merupakan rujukan yang mempunyai persamaan iaitu sifat yang tidak mendengar kata manakala *sameu* simbol kepada kumpulan peristiwa yang mempunyai persamaan dari aspek perbuatan tidak mendengar kata kerana sifat haiwan yang tidak memahami perkara yang disampaikan oleh manusia di samping, keadaan fizikal haiwan tersebut yang berbulu tebal dan sifatnya buas. Aspek sintaksis pula makna tautan antara perkataan dengan perkataan dalam peribahasa *begei entag sameu* membawa makna yang jelas iaitu sifat haiwan yang tidak mendengar arahan dikaitkan dengan sikap segelinitr manusia yang degil atau tidak mendengar nasihat. Begitu juga dengan aspek pragmatiknya, lambang *sameu* digunakan untuk menggambarkan tingkah laku dan ia difahami oleh kelompok masyarakat Orang Asli kerana secara naturalnya mereka tinggal di kawasan hutan tebal dan mengenali sifat-sifat haiwan yang hidup di sekitar mereka. Maka, peribahasa *begei entag sameu* mempunyai unsur eufemisme yang menepati ciri-ciri bahasa yang halus, sopan dan berlapis untuk menegur atau menggambarkan sikap seseorang yang tidak mendengar nasihat atau degil.

Peribahasa seterusnya ialah (iii) *begei caknak pug* iaitu bagi makan ayam yang bermaksud seseorang yang makan secara tamak dan kedekut atau dalam bahasa Semai diujar sebagai *numom de kijak bejehei atao kibebakad*. Ayam merupakan antara makanan yang sangat sinonim sebagai kesukaan masyarakat orang Asli dan kecenderungan mereka untuk memilih ayam sebagai lauk utama juga tidak dapat dinafikan. Keadaan ini berlaku mungkin kerana faktor untuk mendapatkan ayam sebagai menu utama sukar untuk diperoleh memandangkan kawasan tempat tinggal yang jauh di dalam hutan. Lantas, apabila berkesempatan untuk makan lauk ayam, ia akan menaikkan selera makan mereka sehingga kekenyangan sebagaimana kajian oleh Nur Adriana Athirah Zulkafli dan Norasmah Othman (2024) berkaitan status sosioekonomi Orang Asli mendapati kelompok masyarakat tersebut hidup terpinggir dan menghadapi kemiskinan akibat daripada beberapa faktor antaranya ialah pendidikan yang rendah sehingga sukar mendapat pekerjaan untuk kelangsungan hidup yang lebih baik.

Lantaran itu, frasa *caknak pug* digunakan oleh masyarakat Orang Asli untuk menggambarkan sifat seseorang yang makan dengan tamak dan tidak mahu berkongsi dengan orang lain. Walaupun terdapat perkataan yang lebih sesuai dengan makna literal untuk digunakan oleh masyarakat Orang Asli menggambarkan sifat tersebut namun, mereka memilih frasa *caknak pug* dapat dilihat berdasarkan hubungan frasa tersebut dengan perkara yang dirujuk. Menurut Siti Norashikin Mohd Khalidi dan Ernawati Atan (2017), pemilihan sesuatu perkataan atau frasa yang bersifat eufemisme adalah untuk memastikan tidak timbulnya situasi kasar, kurang sopan, biadap atau seumpamanya dalam memberi teguran terdapat perbuatan seseorang sebagaimana sifat tamak yang digambarkan melalui peribahasa *begei caknak pug*.

Jadi, dapatlah disimpulkan bahawa unsur eufemisme juga wujud dalam kalangan masyarakat peribumi di Semenanjung Malaysia iaitu Orang Asli. Unsur eufemisme bukan sahaja digunakan dalam komunikasi harian mereka malah, dalam peribahasa juga yang telah digunakan sejak berikutan lama. Justeru, pernyataan Munirah Zulkifli et al. (2019) berkaitan bahawa unsur eufemisme merupakan cerminan nilai sosiabudaya masyarakat di Malaysia walau berbeza etnik dengan mempamerkan nilai budi bahasa dan menghormati orang lain melalui ungkapan-ungkapan peribahasa seperti ini adalah sangat bertepatan dengan dapatan kajian yang telah dibincangkan.

Dalam pada itu, peribahasa yang diterapkan dalam mata pelajaran bahasa Semai ini juga membuktikan bahawa identiti dan bahasa sukuan masyarakat Orang Asli kekal terpelihara dan terus menjadi alat atau wadah penyatuan dalam kelompok masyarakat mereka sebagaimana peribahasa Melayu yang menyatukan seluruh masyarakat Malaysia walau berbeza latar belakang dan sosiabudaya masyarakatnya. Sejalan dengan pendapat Yusmawati Yusoff dan Mohd Khaidir Abdul Wahab (2021) yang menyatakan bahawa pengekal bahasa dan budaya tradisi sesebuah masyarakat perlu dipelihara supaya ia menjadi identiti disamping mencapai matlamat sesebuah komunikasi sama ada melalui bahasa atau tradisi seperti pantun dan peribahasa. Dalam pada itu, pendapat Nur Izzaty Zipri dan Nor Azwahanum Nor Shaidd (2024) berkaitan peranan guru memanfaatkan sumber buku teks secara maksima dalam pengajaran juga perlu diberi perhatian kerana buku teks memainkan peranan penting dalam membantu menyampaikan isi pengajaran yang bermakna kepada murid-murid.

5.0 KESIMPULAN

Kesimpulannya, peribahasa masyarakat Orang Asli juga mempunyai unsur-unsur eufemisme seperti peribahasa Melayu yang lazim dengan penggunaan perkataan atau ayat yang halus, sopan, berlapik dan tidak menyinggung perasaan orang lain. Walau bagaimanapun, unsur eufemisme kurang menyerlah dalam peribahasa-peribahasa masyarakat Orang Asli berbanding berunsurkan alam dan haiwan yang lebih menonjol. Oleh itu, kajian lanjut perlu dilakukan dengan menganalisis peribahasa-peribahasa lain yang digunakan oleh masyarakat Orang Asli bagi membincangkan dengan lebih mendalam unsur eufemisme dalam peribahasa masyarakat Orang Asli agar dapat diterapkan dalam buku teks bahasa Semai di bawah aspek seni bahasa bagi tujuan pengajaran dan pembelajaran di sekolah. Dalam pada itu, unsur eufemisme yang diterapkan dalam peribahasa Orang Asli sedikit berbeza daripada peribahasa Melayu sama ada dari aspek perlambangan, simbol atau rujukan yang mana elemen-elemen tersebut adalah elemen yang wujud di persekitaran penempatan mereka.

Implikasi daripada kajian ini, pemerkasaan peribahasa Orang Asli dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Semai perlu dinilai semula dengan memfokuskan jumlah peribahasa yang perlu diterapkan dalam mata pelajaran tersebut. Berdasarkan jadual 2, jumlah yang terhad serta tidak menyeluruh bagi setiap tahun persekolahan menyebabkan usaha melestarikan peribahasa Orang Asli sukar mencapai sasarannya. Justeru, pelestarian aspek seni bahasa seperti peribahasa perlu diterapkan secara bersepadu dan konsisten agar generasi masyarakat Orang Asli khususnya dapat menerap ilmu berkenaan dalam kehidupan seharian mereka walaupun gaya hidup semakin moden namun, tetap mengekalkan latar identiti yang melambangkan jiwa bangsa mereka.

PENGHARGAAN

Kajian ini tidak dibiayai sebarang geran daripada mana-mana sektor atau agensi.

KONFLIK KEPENTINGAN

Penulis mengisytiharkan tiada konflik kepentingan.

SUMBANGAN PENULIS

Mohamad Nik Mat Pelet (Pengurusan Data, Penyelidikan, Penulisan - draf asal)

Anida Sarudin (Metodologi, Penyelidikan)

Mutiara Megat (Analisis formal, Rujukan, Penyelidikan)

Mohammad Fauzan Romli (Analisis formal, Penulisan - semakan & penyuntingan)

RUJUKAN

Ahmad Mahmood & Abrak Othman. (2010). *Fail sosiolinguistik*. Nusabuku Enterprise.

Aminnudin Saimon & Muhammad Asyraf Md. Rashid. (2021). Konsep kepimpinan dalam peribahasa Melayu: Analisis semantik inkuisitif. *International Journal of Language Education and Applied Linguistics*, 12(1), 6–17. <https://doi.org/10.15282/ijleal.v12i1.6839>

Asmah Omar. (2002). *Selia dan Santun Bahasa*. Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.

Asmah Omar. (2004). *Bahasa Diraja*. Dewan Bahasa dan Pustaka.

Awang Sariyan. (2007). *Santun Berbahasa*. Dewan Bahasa dan Pustaka.

Anis Asnira Mohd Faizal & Mohammed Azlan Mis. (2024). Penggunaan Eufemisme dalam Bahasa Iban: Kajian di Kampung Sampun Kelili, Asajaya, Sarawak. *Jurnal Wacana Sarjana*, 8(2), 1-17. <https://spaj.ukm.my/jws/index.php/jws/article/view/580/491>

- Dewan Bahasa dan Pustaka. (2010). *Kamus Dewan* (Edisi ke-4).
- Faridah Radzi. (2015). *Unsur eufemisme dalam buku teks Bahasa Malaysia tahun 6 Sekolah Kebangsaan*. Tesis Ijazah Sarjana. Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjung Malim.
- Gory Keraf. (2005). *Diksi dan Gaya Bahasa*. PT Gramedia Pustaka Utama.
- Harishon Radzi & Phylisia David. (2012). Unsur eufemisme dan perumpamaan dalam teks Hikayat Iban. *Jurnal Linguistik*, 16 (Disember, 2012), 75–87. <https://plm.org.my/ejournal/index.php/jurnallinguistik/article/view/98/87>
- Julaina Nopiah & Fikratul Jahriyyah Anuar. (2023). Unsur eufemisme dalam peribahasa Melayu: Analisis Semantik Inkuisitif. *Jurnal Bahasa*, 23(1), 1–32. [https://doi.org/10.37052/jb23\(1\)no1](https://doi.org/10.37052/jb23(1)no1)
- Kannan Anamalai & Wan Muna Ruzanna Wan Mohammad. (2024). Keciciran menguasai elemen Seni Bahasa dalam kalangan murid bukan penutur natif di daerah Jempol. *International Journal of Advanced Research in Education and Society*, 6(1), 142–156. <https://myjms.mohe.gov.my/index.php/ijares/article/view/25905>
- Muhammad Zaid Daud, Fatimah Subet, & Awang Azman Awang Pawi (2024). Refleksi warna positif dan warna negatif dalam naratif Pak Kaduk: Analisis pragmatik. *PENDETA Journal of Malay Language Education and Literature*, 15(2), 149–164. <https://doi.org/10.37134/pendeta.vol15.2.11.2024>
- Muhammad Zaid Daud. (2020). *Unggas dalam peribahasa Melayu: Satu analisis semantik inkuisitif*. Tesis Sarjana. Universiti Malaysia Sarawak.
- Muhammad Zaid Daud, Mohammad Shahrul Nizam Abd Wahid & Remmy Gedat. (2017). Eufemisme dalam Bahasa Iban: Satu kajian kes di Kampung Lebor, Serian Sarawak. *Borneo Research Journal*, 11, 87–105. <https://doi.org/10.22452/brj.vol11no1.6>
- Muhammad Luqman Ibnul Hakim Mohd Sa'ad & Zulazhan Ab. Halim. (2021). Leksikal eufemisme dalam Al-Quran dan terjemahannya dalam Bahasa Melayu. *Asia Pacific Online Journal of Arabic Studies*, 4 (1), 11–24. <https://malindojournal.um.edu.my/index.php/APOJAS/article/view/31274>
- Munirah Zulkifle, Norazilah Buhari & Nor Azlili Hassan. (2019). Eufemisme cerminan nilai sosiobudaya masyarakat Malaysia. *Sains Insani*, 3(2), 37–48. <https://doi.org/10.33102/jsi2019.4.2.05>
- Nasimah Abdullah & Lubna Abd. Rahman. (2019). Eufemisme dalam wacana terjemahan makna Al-Quran ke Bahasa Melayu: Analisis pragmatik. Al-Irsyad: *Journal of Islamic and Contemporary Issues*, 4 (1), 39–56. <https://doi.org/10.53840/alirsyad.v4i1.46>
- Nur Adriana Athirah Zulkafli & Norasmah Othman. (2024). Status sosioekonomi Orang Asli: Satu kajian kes. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 9 (8), 1–17. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v9i8.2957>
- Nur Izzaty Zipri & Nur Azwahanum Nor Shaid. (2024). Kesesuaian penggunaan buku teks Bahasa Melayu SJK Tahun 5 dalam kalangan Guru SJKC. *International Journal of Advanced Research in Education and Society*, 6(2), 221–233. <https://myjms.mohe.gov.my/index.php/ijares/article/view/26811>
- Nur Muslimah Mat Akhir & Ainul Azmin Md Zamin. (2021). Meneroka persepsi masyarakat terhadap pengguaan eufemisme dalam artikel politik Malaysia. *Al-Risalah: Journal of Islamic Revealed Knowledge and Human Sciences (ARJIHS)*, 5(4), 85–101. <https://doi.org/10.31436/alrisalah.v5i4.359>
- Nursyafieqa 'Ifwat Mohmod & Maizura Osman. (2024). Ungkapan kesat dalam penggunaan implikatur di media sosial pada musim pilihan raya. *PERTANIKA Social Sciences & Humanities*, 32 (S1), 139–160. <https://doi.org/10.47836/pjssh.32.S1.06>
- Petronella Apin & Kartini Abd Wahab. (2015). Tabu bahasa dalam masyarakat Dusun Din Daerah Ranau, Sabah. *Jurnal Melayu*, 14 (2), 224–239. <https://ejournal.ukm.my/jmelayu/article/view/11446/3707>
- Rahizan Mohd Shukor, Nur Farakhanna Mohd Rusli & Kesavan Nallaluthan. (2021). Eufemisme dan disfemisme dalam komunikasi pelajar berdasarkan Prinsip Kesantunan Leech. *PENDETA Journal of Malay Language, Education and Literature*, 12(1), 1–10. <https://doi.org/10.37134/pendeta.vol12.1.1.2021>
- Raminah Sabran & Rahim Syam. (1985). *Kajian bahasa untuk pelatih maktab perguruan*. Fajar Bakti.
- Saidatul Nornis Mahali & Mohd. Rasdi Saamah. (2013). Haiwan sebagai perlambangan dalam Peribahasa Orang Semai. *GEMA Online™ Journal of Language Studies*, 13(1), 83–97. <https://ejournal.ukm.my/gema/article/view/2224/1632>
- Saidatul Nornis Hj Mahali. (2007). *Unsur bahasa dalam Budaya*. Kota Kinabalu, Sabah: Penerbit Universiti Malaysia Sabah.
- Saidatul Nornis Hj Mahali. (2007). Perbandingan Sempema Iban dan Melayu. *Jurnal Dewan Bahasa*, 25–28.
- Siti Marina Kamil, Hamidah Abdul Wahab & Remmy Gedat. (2021). Eufemisme dan cerminan budaya masyarakat Melayu Sarawak. *The 3rd International Conference on Language Studies (ACLS, 2021)*. “Kelestarian Bahasa: Realiti, Cabaran dan Hala Tuju dalam Era Teknologi Digital”, 8–9 September 2021.
- Siti Norashikin Mohd Khalidi & Ernawita Atan. (2017). Unsur eufemisme dalam novel Jalan Retak Karya A. Samad Said. *Journal of Business and Social Development*, 5(1), 88–101.
- Sherilyne Biyol. (2020). *Analisis eufemisme dalam masyarakat Melanau Dalat berdasarkan Semantik Inkuisitif*. Ijazah Sarjana, Universiti Malaysia Sarawak. <http://ir.unimas.my/id/eprint/34835>

- Suzieyiana Ritos & Muhammad Zaid Daud. (2020). Strategi penggantian disfemisme kepada eufemisme dalam komunikasi lisan masyarakat Bidayah, Bau: Analisis pragmatik. *Asian People Journal (APJ)*, 3(1), 64–83.
<https://doi.org/10.37231/api.2020.3.1.153>
- Yusmawati Yusoff & Mohamad Khaidir Abdul Wahab. (2021). Kata sapaan dan rujukan dalam kalangan masyarakat Banjar Terpilih di daerah Kerian Perak. *International Journal of Language Education and Applied Linguistics*, 11(2), 6–22.
<https://doi.org/10.15282/ijleal.v11i2.6536>
- Zaitul Azma Zainon Hamzah, Ahmad Fuad Mat Hassan & Mohd Nur Hafizudin Md Adama. (2014). Kesantunan bahasa dalam kalangan remaja sekolah menengah. *Jurnal Bahasa*, 321–338.
- Zaitul Azma Zainon Hamzah & Ahmad Fuad Mat Hassan (2012). Penggunaan strategi ketidaksantunan dalam kalangan remaja di sekolah. *Jurnal Linguistik*, 16(1) 62–74.